

20/10/1998

Tuan rumah ketengah isu Ecotech

ANGGOTA forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang mengisi kerusi tuan rumah mempunyai peluang untuk mencatatkan sesuatu yang meninggalkan kesan. Apec yang berjaya suatu hari kelak akan diingat sebagai hasil usaha yang boleh dihubungkan dengan mesyuarat tahunan tertentu forum itu.

Malaysia yang menjadi tuan rumah sidang kemuncak Apec tahun ini, sudah mengisytiharkan bahawa ia mahu memperagakan kerjasama dan pembangunan ekonomi dan teknikal (Ecotech) sebagai suatu usaha utama forum itu. Ecotech setakat ini belum mendapat tempatnya jika dibandingkan isu dan agenda lain yang kerap menjadi tumpuan perbincangan forum itu.

Sejak Apec ditubuhkan sembilan tahun lalu, usahanya banyak tertumpu kepada pengliberalan dan memudahkan perdagangan dan pelaburan. Ecotech hanya digubal untuk melengkapkan usaha ini.

Kedudukan Ecotech sebagai isu sampingan saja banyak disebabkan oleh kekurangan fahaman mengenainya. Namun, perkembangan semasa yang menyaksikan krisis kewangan Asia Timur mengancam merebak ke seluruh dunia mendesak satu penyelesaian yang kreatif.

Ecotech mungkin adalah jawabannya. "Pada 1998, jika dibentuk dengan sempurna, Ecotech boleh muncul sebagai sumbangan Apec untuk membawa pemulihan ekonomi rantau ini," profesor kewangan antarabangsa Brandels University di Amerika, Peter A Petri, dilaporkan sebagai berkata dalam akhbar kewangan antarabangsa, Asian Wall Street Journal, baru-baru ini.

Menurut laporan itu, Apec tidak ada pilihan lain tetapi mencari jalan untuk menangani krisis semasa yang sudah melanda kebanyakan ahlinya. Jika forum utama Asia Pasifik itu tidak menawarkan sebarang bantuan, kewujudannya akan hilang relevannya kepada rantau ini.

Krisis kewangan semasa apabila ia mula tercetus pada Julai 1997, tidak banyak mendapat tumpuan pada mesyuarat tahunan Apec di Vancouver, Kanada, tahun lalu. Kebanyakan ahli forum itu lebih minat untuk menyaksikan usaha pengliberalan perdagangan dan pelaburan ditingkatkan.

Apec yang mempunyai sasaran untuk membuka pasaran rantau ini menjelang tahun 2010 bagi anggotanya yang berstatus negara maju dan pada 2020 bagi yang lain, mengiktiraf 15 sektor untuk dibuka lebih awal daripada sasaran di bawah rancangan Pengliberalan Awal Sektor secara Sukarelanya (EVSL). Sembilan daripada sektor itu dikenal pasti untuk perlaksanaan tahun ini.

Namun perlaksanaan EVSL itu sudah menemui jalan buntu. Wakil 18 negara anggota Apec - akan menjadi 22 pada November ini di Kuala Lumpur - menghabiskan masa setahun sejak mesyuarat di Vancouver membincangkan perkara itu. Setakat ini, kebanyakan negara itu berpendapat, mereka tidak boleh secara berkesan melaksanakan EVSL sepertimana yang sudah diputuskan oleh ketua kerajaan mereka.

Sembilan sektor yang dikenal pasti untuk perlaksanaan tahun ini ialah barangan dan perkhidmatan alam sekitar, ikan dan produknya, produk hutan, peralatan dan instrumen perubatan, peraturan pengiktirafan bersama telekomunikasi, tenaga, permainan, permata dan barang kemas dan kimia.

Pada mesyuarat pegawai kanan Apec di Kuantan bulan lalu, perjanjian terhadap perlaksanaan EVSL itu tidak tercapai. Malahan ada di kalangan anggota mencabar semangat Apec dengan menyatakan EVSL adalah sukarela dan mereka berhak memilih sektor mana yang mahu dibuka.

Namun ada yang tetap mempunyai keyakinan terhadap proses Apec. Pengarah Institut Ekonomi Antarabangsa yang berpusat di Washington, Fred Bergsten yakin sidang kemuncak Apec, seperti yang dianjurkan sebelum ini, mampu

menyelesaikan sebarang kebuntuan.

Malaysia sendiri, sebagai tuan rumah, mungkin mahu EVSL dapat dilaksanakan di sidang kemuncak Kuala Lumpur. Namun, bagi Malaysia, Ecotech adalah kesan terbesar sidang kemuncak kali ini.

Bergsten yang kerap kali menganjurkan mesyuarat pakar bebas mengenai isu Apec, sudah mengemukakan laporan 10 bahagian mengenai Ecotech kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Laporan itu dikaitkan dengan krisis semasa.

Antara cadangan Ecotech beliau adalah penggunaan dana AS\$100 juta (RM380 juta) yang disumbang oleh Jepun dua tahun lalu dan masih belum digunakan lagi. Di bawah cadangannya, dana itu perlu digunakan untuk melatih penganalisis kredit, pengawal selia, auditor, akauntan dan penaraf dalam usaha untuk mengukuh sektor kewangan di negara yang dilanda krisis.

Prof Petri juga mempunyai cadangannya sendiri. Beliau mengesyorkan perubahan sistem kewangan rantau ini. Antara ciri-cirinya ialah kata sepakat mengenai apa yang dimaksudkan sebagai kerangka kewangan yang selamat dan berkesan, serta bantuan teknikal dan program latihan bagi memastikan ia berjaya dilaksanakan.

Sebahagian daripada usaha ke arah ini ialah untuk menjadikan kerangka baru itu sebagai model dan piawaian dalam bidang seperti sistem tukaran asing, rangka peraturan bagi bank dan institusi kewangan lain dan mekanisme untuk permodalan semula firma kewangan dan bukan kewangan.

Satu lagi komponen ialah mewujudkan keupayaan pengawalseliaan serantau untuk menggerakkan perubahan dan kerjasama.

(END)